

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :**

- a) apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengeluarkan kelulusan khas untuk kapal kargo/kontena yang membawa barangan import secara terus masuk ke Pelabuhan Labuan daripada *port of origin* sebagai contoh dari Singapura dan China; dan
- b) kebenaran khas kapal kargo/kontena membuat hentian sekurang-kurangnya 1 hentian sebelum kembali ke negara asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada keperluan untuk mendapat kelulusan khas mahupun pengecualian di bawah Dasar Kabotaj untuk kapal kargo/kontena yang membawa barangan import secara terus masuk ke Pelabuhan Labuan.
2. Hal ini kerana, sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 65 A, Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952, kapal-kapal yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan kargo dibenarkan membuat satu panggilan pelabuhan di Malaysia untuk memunggang penghantaran mereka tanpa Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL).
3. Kementerian Pengangkutan (MOT) akan terus memainkan peranan aktif untuk memudahcara (*facilitate*) dalam memastikan pelaksanaan Dasar Kabotaj dapat mengimbangi kepentingan industri perkapalan dan pembangunan ekonomi negara. Dalam hal ini, Kementerian komited untuk terus membangunkan platform seperti sistem electronic Domestic Shipping License (eDSL) bagi memastikan *ease of doing business* bagi pihak-pihak industri serta mewujudkan *transparency*, *accountability* dan *reliability* yang tinggi dalam proses pelesenan perkapalan dalam negeri.

Sekian, terima kasih.